

Newspaper	Berita Harian
Date	5/3/2013

# Mahathir dijangka lawat Gaza

BH - 5/3/2013

**Kuala Lumpur:** Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dijangka melawat Gaza untuk melihat bandar itu yang menjadi mangsa kekejaman Israel dalam tempoh terdekat ini.

Jurucakap kumpulan belia dari Palestin, Mohammad Y Hasna, berkata perkara itu diputuskan Dr Mahathir dalam pertemuan mereka selama lebih dua jam semalam.

"Bagaimanapun, beliau masih belum memutuskan tarikh ke Gaza dan ia akan ditetapkan dalam tempoh sebulan," katanya ditemui di bangunan Yayasan Al-bukhary di sini, semalam.

## Bincang pelbagai perkara

Mohammad dan 11 belia lain dari negara itu kini dalam rangka lawatan ke negara ini selama 10 hari sejak 27 Februari lalu.

Beliau berkata, pihaknya juga membincangkan pelbagai perkara dengan Dr Mahathir dalam pertemuan terbabit.

"Selain itu, kita juga mahu mempelajari bagaimana untuk mewujudkan perpaduan, keadaan harmoni dan ketamadunan daripada beliau.

"Kita turut menyerahkan satu kertas cadangan kepada Dr Mahathir mengenai bagaimana kami boleh membuat perubahan di Gaza," katanya.